

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH

TARIKH : 22 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 98

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu dan menampung kos pengendalian yang tinggi oleh pengusaha-pengusaha bas tempatan (Stage Bus Operators) di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai perkhidmatan Rapid, LRT, MRT dan lain-lain jenis perkhidmatan awam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Dana Sokongan Bas Berhenti Henti (ISBSF) telah diwujudkan kerajaan pada tahun 2012 bagi membantu menampung kos operasi harian pengendali bas yang terbabit berikutan kerugian dialami disebabkan sebahagian laluan mereka tidak menguntungkan. ISBSF diwujudkan kerajaan untuk memastikan syarikat pengendali bas henti henti, terutama di kawasan luar bandar tidak menamatkan perkhidmatan kerana peningkatan kos dan kerugian yang dialami kerana laluan kurang penumpang. Kerajaan memberi perhatian terhadap isu ini kerana kebanyakan laluan yang terbabit terletak di luar bandar dan perkhidmatan bas masih diperlukan oleh penduduk untuk meneruskan aktiviti harian mereka.
2. Kerajaan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan membuat kajian penambahbaikan sistem bas berhenti-henti terutamanya perkhidmatan bas pengantara untuk menghubungkan rakyat ke mod pengangkutan awam yang lain yang lebih efektif dan cekap dan ini secara tidak langsung mengubah persepsi dan memberi pilihan kepada rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam.
3. APAD akan mengembangkan dan memperkenalkan skim perkhidmatan myBAS 2.0 di seluruh negara bagi menggantikan dana sokongan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) yang bersifat sementara secara berperingkat. MyBAS mula diperkenalkan di Kangar pada Ogos 2015 dan seterusnya diikuti oleh Seremban, Ipoh dan Kuala Terengganu. Bagi mengembangkan skim ini secara lebih efektif dan cekap, MyBAS 2.0 akan dijalankan selepas kajian permintaan dan penawaran perkhidmatan bas dilakukan. Kajian ini juga akan mengkaji kesesuaian untuk menggunakan kenderaan seperti bas mini dan van di kawasan luar bandar yang sukar untuk dimasuki bagi perkhidmatan pengangkutan awam terutama bas.

Sekian, terima kasih.